

PROSEDUR KUTIPAN SUMBANGAN TABUNG KWAPM MELALUI POTONGAN GAJI

1. Penjawat awam yang berminat untuk membuat sumbangan secara sukarela perlu mengisi Borang Kebenaran Potongan Gaji Bulanan dan mengemukakannya ke Unit Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing dua bulan sebelum tarikh sebenar gaji hendak dipotong (tertakluk kepada Jadual Memproses Gaji).
2. Unit Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi akan menyediakan Borang Perubahan Gaji (SG20) berdasarkan butiran di Borang Kebenaran Potongan Gaji Bulanan Untuk Sumbangan Kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) Kementerian Pendidikan Malaysia Pindaan 1/2009 (seperti yang dilampirkan) dan mengemukakan dokumen tersebut kepada Pejabat Perakaunan masing-masing. Kod potongan gaji KWAPM ialah 4414.
3. Pejabat Perakaunan akan memproses potongan dan mengeluarkan cek atas nama Ketua Akauntan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengeluarkan resit melalui sistem e-Terimaan. Penyata Pemungut akan disediakan untuk memasukkan cek ke dalam akaun terimaan.

